



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 2/2025

Prestasi Sektor Memacu Ekonomi Malaysia dengan Hasil Perkhidmatan Mencecah RM2.4 trilion dan Jualan Sektor Pembuatan Meningkat kepada RM1.9 trilion pada tahun 2024

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARI 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 2/2025**. Edisi ini memberi fokus kepada statistik terkini yang diterbitkan pada Disember 2024 serta beberapa statistik akan datang untuk Januari 2025. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk “Pengendalian Representasi Pemulihan Kerja di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967: Sebelum dan Selepas Pindaan 2020” yang membincangkan komitmen Malaysia terhadap amalan pekerjaan yang adil dan perlindungan pekerja.

Menelusuri keadaan ekonomi global terkini, *World Economic Outlook Update* oleh IMF yang diterbitkan pada Januari 2025 meramalkan pertumbuhan global pada kadar 3.3 peratus bagi tahun 2025 dan 2026, sedikit perlahan berbanding purata terdahulu 3.7 peratus. Ekonomi Amerika Syarikat dijangka bertumbuh kukuh pada kadar 2.7 peratus, manakala kawasan Euro diramalkan meningkat 1.0 peratus pada tahun 2025 sebelum berkembang kepada 1.4 peratus pada tahun 2026 yang didorong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh. Sementara itu, unjuran pertumbuhan China telah disemak ke paras lebih tinggi iaitu 4.6 peratus bagi tahun 2025 dan stabil pada 4.5 peratus pada tahun 2026, dipacu oleh sokongan fiskal dan pengurangan ketidakpastian perdagangan.

Memberi tumpuan kepada senario ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan, “Ekonomi Malaysia meningkat 5.0 peratus pada suku tahun keempat 2024, berbanding pertumbuhan 5.4 peratus

yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, berdasarkan pelarasan musim suku tahunan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menyusut 1.1 peratus (ST3 2024: 1.9%). Dari segi prestasi ekonomi bulanan, KDNK mencatat peningkatan 4.7 peratus pada Oktober dan 4.9 peratus pada November, sebelum meningkat kepada 5.4 peratus pada Disember 2024.”

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 4.6 peratus pada Disember 2024, didorong oleh pertumbuhan dalam sektor Pembuatan (5.8%), Elektrik (3.5%) dan Perlombongan (0.4%). Namun, pada asas bulanan, IPP menurun 0.4 peratus, berubah daripada pertumbuhan 0.6 peratus yang dicatatkan pada November. Bagi ST4 2024, IPP bertumbuh sederhana kepada 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Mengekalkan pertumbuhan, nilai jualan sektor Pembuatan pada tahun 2024 mencapai RM1.9 trilion, meningkat 4.6 peratus tahun ke tahun (2023: 0.2%), manakala jualan bagi Disember 2024 meningkat 5.7 peratus kepada RM158.4 bilion. Pertumbuhan ini dipacu oleh Produk makanan, minuman & tembakau (14.6%), Produk elektrik & elektronik (8.7%), dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam fabrikasi (3.2%). Namun, berbanding November 2024, jualan menurun 2.2 peratus, dengan jualan November direkodkan pada RM162.0 bilion. Pada ST4 2024, nilai jualan sektor Pembuatan meningkat 4.4 peratus tahun ke tahun, mencapai RM481.8 bilion (ST3 2024: RM483.2 bilion, 6.5%).

Melihat kepada perspektif yang lebih luas, jumlah hasil sektor Perkhidmatan pada tahun 2024 mencapai RM2.4 trilion, mencatatkan peningkatan sebanyak 6.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: RM2.3 trilion). Prestasi kukuh ini disokong terutamanya oleh pemulihan berterusan dalam industri berkaitan pelancongan. Dari segi prestasi bagi suku tahun keempat 2024, sektor Perkhidmatan Malaysia merekodkan hasil RM627.9 bilion, menggambarkan pertumbuhan tahunan 6.2 peratus. Begitu juga, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 6.0 peratus tahun ke tahun, mencapai 157.5 mata. Prestasi suku tahun ini didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, serta Penginapan, yang mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 5.4 peratus kepada RM475.2 bilion berbanding suku tahun yang sama tahun lalu. Sementara itu, Indeks Volum bagi segmen ini meningkat 4.9 peratus kepada 157.5 mata.

Dari sudut harga, inflasi Malaysia mereda kepada 1.7 peratus pada Disember 2024, berbanding 1.8 peratus pada November 2024, didorong oleh peningkatan sederhana

dalam kumpulan utama, termasuk Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan dan perkhidmatan (3.2%), Rekreasi, Sukan & Budaya (1.7%), Kesihatan (1.1%) dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.4%). Pada suku tahun keempat 2024, inflasi meningkat 1.8 peratus berbanding 1.6 peratus pada ST4 2023. Secara keseluruhan, kadar inflasi tahunan bagi tahun 2024 mencatatkan 1.8 peratus, mereda daripada 2.5 peratus pada 2023. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat secara marginal pada 0.5 peratus tahun ke tahun pada Disember 2024, dipacu oleh indeks sektor Pertanian, perhutanan & perikanan (23.8%), Bekalan elektrik & gas (0.9%) dan Bekalan air (6.7%). IHPR mencatatkan penurunan 0.8 peratus pada suku tahun ini (ST3 2024: -0.2%), disebabkan oleh penyusutan dalam sektor Perlombongan dan Pembuatan.

Dari perspektif sektor luaran, sektor perdagangan Malaysia terus menunjukkan momentum kukuh, dengan jumlah dagangan meningkat 14.6 peratus daripada RM225.1 bilion pada bulan yang sama tahun lalu kepada RM257.9 bilion pada Disember 2024. Pada suku tahun keempat 2024, jumlah dagangan meningkat RM44.3 bilion atau 6.4 peratus kepada RM739.8 bilion. Secara tahunan, eksport meningkat 7.3 peratus kepada RM393.0 bilion, manakala import berkembang 5.3 peratus kepada RM346.9 bilion.

Imbangan Akaun Semasa (CAB) mencatatkan lebihan RM11.4 bilion pada suku tahun keempat 2024, meningkat dengan signifikan daripada RM0.9 bilion pada suku tahun yang sama tahun 2023. Lebihan ini didorong oleh eksport bersih barangan serta defisit lebih rendah dalam akaun perkhidmatan. Sementara itu, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM18.4 bilion pada ST4 2024, berbanding RM19.6 bilion pada ST4 2023. Pada masa yang sama, Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM0.7 bilion, mengalami penurunan ketara daripada RM14.3 bilion pada suku tahun keempat 2023.

Berkaitan dengan trend pasaran buruh Malaysia, beliau menekankan bahawa "Tenaga buruh Malaysia mencatat peningkatan 77.4 ribu orang bekerja, mencapai 16.79 juta orang pada suku tahun keempat 2024 (ST3 2024: 16.72 juta orang). Sehubungan itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.1 mata peratus kepada 68.4 peratus, berbanding 68.3 peratus pada ST3 2024. Selaras dengan itu, kadar pengangguran kekal pada 3.1 peratus pada Disember 2024 dan kekal pada 3.2 peratus pada ST4 2024. Dalam konteks yang sama, bilangan pekerjaan dalam sektor ekonomi berkembang 1.3 peratus dengan mencatatkan 9.05 juta pekerjaan

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Februari 2025

(ST4 2023: 8.94 juta pekerjaan). Selain itu, sejumlah 31.5 ribu pekerjaan baharu diwujudkan pada suku keempat 2024.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif pada Disember 2024, dengan IP meningkat 3.1 peratus secara tahunan dan 0.8 peratus secara bulanan. Meskipun trend jangka panjang kekal di bawah 100.0 mata, permintaan domestik yang kukuh, pelarasan gaji, dan pengukuhan pasaran buruh dijangka meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 FEBRUARI 2025**

Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Suku Tahunan


Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

5.0%
ST4 2024




Kadar Pengangguran

3.2%
ST4 2024




Pengeluaran Buah Tandan Segar

-5.4%
ST4 2024




Pengeluaran Getah Asli

24.6%
ST4 2024




Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

3.4%
ST4 2024



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

4.4%
ST4 2024




Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Indeks Volum Perkhidmatan

6.0%
ST4 2024



Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

4.4%
ST4 2024



Eksport

7.3%
ST4 2024




Import

5.3%
ST4 2024




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.8%
ST4 2024



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

-0.8%
ST4 2024



Nota:

- 1) Kadar pengangguran adalah perkadaran bilangan penganggur kepada jumlah tenaga buruh, dalam peratus.
- 2) Indikator selebihnya dinyatakan dalam peratus perubahan tahun ke tahun

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 28 Februari 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 2/2025

Sectoral Performance Fosters Malaysia's Economy with Services Revenue Reaches RM2.4 trillion and Manufacturing Sales Surge to RM1.9 Trillion in 2024

PUTRAJAYA, 28TH FEBRUARY 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 2/2025**. This edition focuses on the recent statistics released in December 2024 and some forthcoming statistics for January 2025. Furthermore, this edition features an additional article titled “Claims For Reinstatement Under Section 20 Of Industrial Relations Act 1967: Pre- and Post-2020 Amendments” which discusses on Malaysia’s commitment to fair employment practices and worker protection.

Evaluating the recent global economic condition, the IMF's World Economic Outlook Update, released in January 2025 projects global growth at 3.3 per cent for both 2025 and 2026, slightly below the historical average of 3.7 per cent. The United States economy is set to expand robustly at 2.7 per cent, while the Euro area is foreseen to grow at 1.0 per cent in 2025, before achieving 1.4 per cent in 2026 on the back of stronger domestic demand. Meanwhile, China's growth forecast has been revised upward to 4.6 per cent for 2025, stabilising at 4.5 per cent in 2026, driven by fiscal support and easing trade uncertainties.

Focusing on Malaysia's economic scenario, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, “Malaysia's economy grew by 5.0 per cent in the fourth quarter of 2024, from a 5.4 per cent growth recorded in the previous quarter. However, on a seasonally adjusted quarter-on-quarter basis, Gross Domestic Product (GDP) declined by 1.1 per cent (Q3 2024: 1.9%). In view of monthly economic performance, the GDP showed an increase of 4.7 per cent in October and 4.9 per cent in November, before rising further to 5.4 per cent in December 2024.”

Malaysia’s Industrial Production Index (IPI) rose by 4.6 per cent in December 2024, driven by growth in Manufacturing (5.8%), Electricity (3.5%) and Mining (0.4%).

However, on a monthly basis, the IPI declined by 0.4 per cent, reversing the 0.6 per cent growth seen in November. For Q4 2024, IPI growth moderated to 3.4 per cent as against 3.9 per cent in the previous quarter.

Sustaining growth, the Manufacturing sector's sales value reached RM1.9 trillion in 2024, marking a 4.6 per cent year-on-year (2023: 0.2%), while December 2024 sales increased by 5.7 per cent to RM158.4 billion. The growth was underpinned by Food, beverages & tobacco products (14.6%), Electrical & electronics products (8.7%), and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (3.2%). However, compared to November 2024, sales declined by 2.2 per cent, with November's sales recorded at RM162.0 billion. In Q4 2024, the Manufacturing sector's sales value grew by 4.4 per cent year-on-year, reaching RM481.8 billion (Q3 2024: RM483.2 billion, 6.5%).

Taking a broader view, the total revenue of the Services sector in 2024 reached RM2.4 trillion, reflecting a 6.3 per cent increase from the previous year (2023: RM2.3 trillion). This steady performance was largely underpinned by the continued recovery of tourism-related industries. With regard to the performance for the fourth quarter of 2024, Malaysia's Services sector recorded a revenue of RM627.9 billion, reflecting an annual growth of 6.2 per cent. Similarly, the Services Volume Index grew by 6.0 per cent year-on-year, reaching 157.5 points. This quarter's performance was driven by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverage, and Accommodation segments, which saw a 5.4 per cent increase in revenue to RM475.2 billion compared to the same quarter last year. Meanwhile, the Volume Index for this segment rose by 4.9 per cent to 157.5 points.

In terms of prices, Malaysia's inflation eased to 1.7 per cent in December 2024, compared to 1.8 per cent in November 2024. This was supported by moderate increases in key categories, including Personal care, social protection & miscellaneous goods & services (3.2%), Recreation, sport & culture (1.7%), Health (1.1%) and Furnishings, household equipment & routine household maintenance (0.4%). In the fourth quarter of 2024, inflation increased to 1.8 per cent as compared to 1.6 per cent in Q4 2023. Overall, the annual inflation rate for 2024 stood at 1.8 per cent, easing from 2.5 per cent in 2023. Meanwhile, the Producer Price Index (PPI) increased marginally by 0.5 per cent year-on-year in December 2024, led by indices for Agriculture, forestry & fishing sector (23.8%), Electricity & gas supply (0.9%) and Water supply (6.7%). The PPI registered a decline of 0.8 per cent in this quarter (Q3 2024: -0.2%) due to a decrease in the Mining and Manufacturing sectors.

On the external front, Malaysia's trade sector continued its strong momentum, with total trade growing by 14.6 per cent from RM225.1 billion in the same month last year to RM257.9 billion in December 2024. In the fourth quarter of 2024, total trade

increased by RM44.3 billion or 6.4 per cent to RM739.8 billion. Exports rose by 7.3 per cent year-on-year to RM393.0 billion, while imports grew by 5.3 per cent year-on-year to RM346.9 billion.

The Current Account Balance (CAB) recorded a surplus of RM11.4 billion in the fourth quarter of 2024, a significant increase from RM0.9 billion in the same quarter of 2023. This surplus was driven by net exports of goods and a lower deficit in services account. Meanwhile, Foreign Direct Investment (FDI) recorded a net inflow of RM18.4 billion in Q4 2024, compared to RM19.6 billion in Q4 2023. At the same time, Direct Investment Abroad (DIA) by Malaysian investors saw a lower net outflow of RM0.7 billion, a sharp decline from RM14.3 billion in the fourth quarter of 2023.

Pertaining to Malaysia's labour market trends, he emphasised that “Malaysia's labour force experienced an increase of 77.4 thousand employed persons, reaching 16.79 million in the fourth quarter of 2024 (Q3 2024: 16.72 million persons). Consequently, the employment-to-population ratio improved by 0.1 percentage points to 68.4 per cent, compared to 68.3 per cent in Q3 2024. Accordingly, the unemployment rate posted 3.1 per cent in December 2024 and remained at 3.2 per cent in Q4 2024. On the same note, the number of jobs in the economic sector expanded by 1.3 per cent to record 9.05 million jobs (Q4 2023: 8.94 million jobs). In addition, a total of 31.5 thousand new jobs were created in the fourth quarter of 2024.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's Leading Index (LI) indicated positive economic growth in December 2024, with the LI rising by 3.1 per cent annually and 0.8 per cent monthly. Despite the long-term trend remaining below 100.0 points, strong domestic demand, wage adjustments, and a strengthening labour market are expected to enhance the economic resilience.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28th FEBRUARY 2025**

Exhibit 1: Quaterly Economic Indicator




Index of Services

6.0%
Q4 2024




Volume Index of Wholesale & Retail Trade

4.4%
Q4 2024




Exports

7.3%
Q4 2024




Imports

5.3%
Q4 2024



Consumer Price Index (CPI)

1.8%
Q4 2024



Producer Price Index (PPI) Local Production

-0.8%
Q4 2024

